

**PELESTARIAN MANUSKRIPT MELAYU SEBAGAI SUMBER ILMU PENGETAHUAN DI MALAYSIA**



**RESEARCH MANAGEMENT INSTITUTE (RMI)  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
40450 SHAH ALAM, SELANGOR  
MALAYSIA**

**DISEDIAKAN OLEH :**

**MOHD ZAHIRWAN HALIM ZAINAL ABIDIN  
PAIZ HASSAN  
HAMDI RAHMAN BIN MOHD YAACOB**

**MEI 2013**

## **Kandungan**

1.	Surat Penyerahan Laporan .....	iii
2.	Surat Tawaran Penyelidikan .....	iv
3.	Penghargaan.....	
4.	Kandungan Laporan.....	1
4.1	Ringkasan Eksekutif Cadangan.....	1
4.2	Ringkasan Eksekutif Dapatkan .....	2
4.3	Pendahuluan .....	3
4.4	Kajian Literatur.....	7
4.5	Metodologi.....	8
4.6	Hasil kajian dan Perbincangan .....	10
4.7	Kesimpulan dan Cadangan.....	34
4.8	Rujukan/Bibliografi .....	38
5.	Hasil Penyelidikan.....	41
6.	Lampiran .....	43



Surat Kami : 600-KPK(PJI. 5/2/2/4) (138)  
Tarikh : 1 Jun 2012

Ustaz Mohd Zahirwan Halim Zainal  
Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam  
Universiti Teknologi MARA (Perak)

Tuan .

### KELULUSAN PERMOHONAN DANA KECEMERLANGAN 01/2012

Tajuk Projek : Pelestarian Manuskrip Melayu Sebagai Sumber Ilmu Pengetahuan di Malaysia  
Kod Projek : 600-KPK(PJI. 5/2/2/4) (138)  
Kategori Projek : Sains Sosial  
Tempoh : 1 Jun 2012 – 31 Mei 2013  
Jumlah Geran : RM 1,500.00  
Ketua Projek : Ustaz Mohd Zahirwan Halim Zainal

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Pihak Universiti mengucapkan tahniah kepada tuan kerana berjaya dan seterusnya menghasilkan penyelidikan yang baik.
3. Sukacita dimaklumkan pihak Universiti telah meluluskan cadangan penyelidikan tuan untuk projek penyelidikan di bawah Dana Kecemerlangan UiTM.
4. Tuan perlu mengisi borang setuju terima projek penyelidikan serta menandatangani Borang Perjanjian Penyelidikan dengan kadar segera kerana penggunaan geran hanya akan dibenarkan setelah perjanjian ditandatangani.
5. Sila lihat lampiran A bagi syarat-syarat kelulusan serta tatacara tambahan untuk pengurusan projek.

Sekian, harap maklum.

Yang benar

PROF. IR. DR. HAJAH ZAINAB MOHAMED  
Rektor

## **4. Laporan**

### **4.1 Laporan Eksekutif**

Di seluruh dunia Melayu, terdapat manuskrip yang jelas merupakan hasil kebudayaan Islam yang ditulis pada kertas menggunakan tulisan Jawi. Ini kerana tulisan Jawi lebih berpengaruh dalam menghasilkan karya-karya oleh para pengarang alam Melayu dan ia juga lebih meluas digunakan berbanding tulisan-tulisan lain. Manuskrip Melayu merupakan warisan khazanah dunia Melayu yang sangat berharga untuk dipelihara, dipulihara serta dikaji tentang penulisannya yang mencakupi pelbagai bidang ilmu merangkumi bidang ilmu-ilmu Islam, sastera, sejarah serta kenegaraan. Ia adalah karya para ilmuan Melayu yang banyak menyumbang kepada perkembangan ilmu di rantau alam Melayu khususnya

Berdasarkan kepada kepentingan ini, maka pelestarian manuskrip Melayu dan kepentingannya dalam bidang ilmu pengetahuan sangat menarik untuk dilihat dan dikaji. Kajian ini akan melihat kepada penghasilan manuskrip oleh para ulama silam dan kepentingannya dalam bidang ilmu yang pelbagai. Di samping itu juga, kajian ini akan melihat kepada peranan institusi-institusi tertentu dalam menjadikan manuskrip sebagai elemen kajian ilmiah dan pembelajaran. Sesuai dengan manuskrip Melayu sebagai warisan khazanah ilmu orang Melayu yang sangat penting dan memberi pengaruh dalam bidang keilmuan di alam Melayu, maka karya-karya ulama dan ilmuan Nusantara yang masyhur telah menjadi satu elemen untuk kajian dengan merujuk kepada karya-karya yang masih boleh didapati serta impak penulisannya dalam lapangan ilmu pengetahuan.

Penulisan kajian ini merupakan kajian yang bersifat penyelidikan luaran, selain kajian perpustakaan sebagai sandaran kepada persoalan yang dikaji. Dalam merencana penulisan ini, penulis telah menggunakan metode pengumpulan data sebagai metodologi kajian. Di bawah metode pengumpulan data, penulis menggunakan beberapa kategori metode yang dianggap mampu mengupas persoalan dan membantu mendapatkan maklumat yang lebih tepat, antaranya ialah metode perpustakaan, metode dokumentasi dan metode temubual.

→ Berdasarkan kepada kajian ini, penulis melihat manuskrip Melayu adalah salah satu sumber ilmu pengetahuan yang penting untuk ditonjolkan kerana ianya adalah warisan ilmu ketamadunan Melayu dalam pelbagai bidang. Karya ulama dan ilmuan tersohor telah memberikan impak yang besar kepada lapangan ilmu pengetahuan yang memperlihatkan karya mereka telah menjadi rujukan dan kajian oleh orang awam, ahli akademik serta para pelajar IPTA. Pengaruh manuskrip telah memberi satu anjakan dalam perkembangan ilmu pengetahuan di Malaysia merangkumi pelbagai lapangan yang memperlihatkan perkembangan positif dalam kegiatan keilmuan di kalangan masyarakat.

#### **4.2 Ringkasan Eksekutif Dapatan (Abstrak)**

Manuskrip Melayu merupakan warisan ketamadunan Melayu yang amat bernilai terutamanya dalam aspek keilmuan dan keintelektualan. Penulisan manuskrip Melayu oleh para cendikiawan silam menggambarkan bahawa tamadun Melayu telah mencapai tahap kegemilangan yang positif dalam lapangan keilmuan dengan lahirnya pelbagai karya yang menjadi kajian dan rujukan para ilmuan termasuklah orientalis Barat.

Oleh itu, langkah dalam melestarikan manuskrip Melayu sebagai sumber ilmu pengetahuan amat wajar dilakukan dalam memastikan warisan ini tidak musnah dan masih lagi menyumbang kepada lapangan akademik masa kini. Objektif kajian ini ialah mengkaji sejarah penulisan manuskrip Melayu, kepentingan manuskrip melayu dalam lapangan ilmu di Malaysia serta langkah-langkah yang telah dibuat oleh beberapa institusi bagi melestarikan manuskrip Melayu sebagai warisan keilmuan yang tinggi nilainya.

Kajian ini menggunakan dua metodologi iaitu kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Daripada kajian ini penulis dapat melihat manuskrip Melayu telah menjadi satu elemen penting dalam perkembangan keilmuan di Malaysia dengan lahirnya ramai penulis-penulis atau para ulama yang menghasilkan karya yang bernilai sehingga menjadi rujukan dan kajian dalam lapangan akademik. Di samping itu, peranan beberapa institusi di Malaysia dalam melestarikan manuskrip Melayu telah berjaya mengekalkan warisan ketamadunan Melayu ini terpelihara dan dijaga dengan baik.

Oleh itu sewajarnya pelestarian manuskrip Melayu diberi perhatian yang serius oleh pihak-pihak berwajib bagi mengekalkan warisan keilmuan Melayu ini daripada rosak dan musnah ditelan zaman.